

UMS buka tiga lagi sekolah di kampus Labuan

Khamis 17 Julai 2003

Berita Harian C3

Oleh Azri Onn

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membuka tiga lagi sekolah di Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dalam tempoh tiga tahun ini.

Pemangku Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Zainal Abidin Said, berkata sekolah itu ialah Sekolah Perdagangan Antarabangsa dan Diplomas pada tahun ini manakala Sekolah Pengangkutan Logistik Antarabangsa pada tahun depan dan Sekolah Undang-undang pada 2005.

Katanya, UMSKAL yang dibuka pada Januari 1999 kini mempunyai dua sekolah iaitu Sekolah

Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Enam program pengajian ditawarkan di UMSKAL iaitu masing-masing empat program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan dua program di Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Program itu ialah Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan Antarabangsa), Ijazah Sarjana Muda Sains (Perbankan Luar Pesisir), Ijazah Sarjana Muda Sains (Pemasaran Antarabangsa), Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Kewangan Antarabangsa), Ijazah Sarjana Sains (Teknologi Multimedia) dan

Ijazah Sarjana Muda Sains (E-Dagang).

Melalui SPKAL, UMSKAL menawarkan empat program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa dan Ekonomi Kewangan Antarabangsa manakala Teknologi Multimedia dan E-Dagang di SSIL.

Beliau berkata, program baru Sarjana Muda Kewangan Islam (Kewangan Islam) melalui SPKAL sudah dimulakan bulan lalu.

"Usaha ini selaras seruan dan matlamat kerajaan menjadikan Labuan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan terunggul di rantau ini.

"Ia juga bertepatan status La-

buhan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) terkenal dan sesuai dengan imej universiti yang menawarkan program perbankan dan kewangan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam taklimat sempena lawatan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan isteri, Puan Sri Mazni Mohd Nor ke universiti itu di Kiamsam, baru-baru ini.

Ahmad Fairuz yang diiringi Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon turut mendengar taklimat di makmal multimedia dan penerbitan.

Dr Zainal berkata, penawaran program Sarjana Muda Kewangan

Islam (Kewangan Islam) menjadikan UMSKAL institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini yang menawarkan program berkenaan.

Katanya, program hampir sama hanya ditawarkan di beberapa universiti di negara maju seperti University of Melbourne di Australia, The Institute of Islamic Banking and Insurance (United Kingdom), Bahrain Institute of Banking and Finance (Bahrain) dan Centre For Islamic Management Studies (Singapura).

Beliau berkata, penawaran program itu selaras kewujudan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang menyelaras IOFC.